

26 NOV 1997

Kampung Buku - Poskad

POSKAD UNTUK PENGUNJUNG KAMPUNG BUKU

LANGKAWI, 26 Nov (Bernama) -- Poskad berwarna warni yang menggambarkan persekitaran Kampung Buku Malaysia akan diberikan kepada pengunjung yang datang, bagi tujuan promosi.

Kampung Buku Malaysia itu, yang diilhamkan oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, mempamerkan pelbagai jenis buku termasuk buku dari luar negara dan ia dijangka menjadi tarikan baru di pulau peranginan itu terutamanya kepada peminat buku dari dalam dan luar negeri.

Selain daripada poskad, pengunjung juga akan menikmati pelbagai acara menarik yang disediakan di Kampung Buku Malaysia di Lubuk Semilang, Ulu Melaka di Langkawi, yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 3 Dis ini.

Pengarah kampung itu, Hashim Ismail hari ini berkata kira-kira 3,000 poskad disediakan untuk para pengunjung yang datang ke kampung itu.

Katanya, pelbagai aktiviti telah diatur untuk menarik lebih ramai pengunjung ke kampung itu.

Beliau berkata antara aktiviti itu ialah seminar penerbitan media di Malaysia, bazar buku, persembahan bercerita dalam Bahasa Inggeris oleh pelajar-pelajar sekolah di Langkawi, pertandingan melukis kanak-kanak dan pertandingan mencari harta karun di sekitar perkampungan itu.

Hashim berkata beliau yakin kampung itu akan menerima ramai pengunjung kerana ia merupakan Kampung Buku pertama di Asia Tenggara dan Malaysia.

Katanya, pengunjung berpeluang melihat dan membaca pelbagai tajuk buku yang berjumlah kira-kira satu juta naskhah dan sebuah galeri Asia-Kyushu turut ditempatkan di kampung itu.

Kampung seumpama itu merupakan yang ketiga di Asia selepas Jepun yang mempunyai kampung buku di Miyagawa dan Kembuchi. Kampung Buku Malaysia merupakan satu daripada 12 buah kampung seumpama itu yang terdapat di seluruh dunia. -- BERNAMA

ZI RI